

CHIN PENG TEKAD TUBUHKAN KERAJAAN KOMUNIS DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU - Tunku

Disini amat jelas bahawa Chin Peng tidak pernah membantu Tunku untuk mencapai kemerdekaan seperti yang didakwa oleh Dr Cheah Boon Kheng, bekas pensyarah sejarah di Universiti Sains Malaysia di dalam akhbar baru-baru ini yang menyebut bahawa pihak komunis juga turut sama menuntut kemerdekaan

Era Baru - 9/3/2007

SYABAS diucapkan kepada TV1 terutamanya kepada Menteri, Dato' Zainuddin Maidin kerana telah buat pertama kalinya menayangkan rakaman temu bual TV1 dengan Bapa Kemerdekaan yang juga bekas Perdana Menteri pertama merangkap bekas Pre sident UMNO, YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1985, di kediaman Tunku di Pulau Pinang.

Temu bual tersebut yang dirakamkan lima tahun sebelum Tunku mangkat, dikatakan belum pernah lagi ditayangkan dan belum pernah dilihat dan didengar oleh rakyat jelata sebelum itu. Tayangan buat pertama kali ialah pada 08 Februari 2007 (hari Keputeraan Tunku) dan diatas per mintaan ramai, ia di tayangkan semula pada 12 Februari 2007.

Jelas dalam temubual tersebut rakyat jelata dapat mengha yati bagaimana tegas dan komitednya Tunku dengan perju angan beliau untuk memerdekakan negara dari terus di jajah. Tidak syak lagi ramai yang terkejut dan terpegun dan dalam masa yang sama begitu bangga dengan semangat Tunku yang berkobar-kobar menentang British dan Komunis.

Tunku tidak berganjak dengan pendirian beliau sebagai seorang pemimpin dan patriotik yang mementingkan bangsa dan negara. Umpamanya, Tunku hanya bersetuju mengetuai UMNO dengan syarat orang Melayu menuntut Kemerdekaan dan bebas dari cengkaman penjajah. Tunku juga berpendirian tegas, apabila kaum Cina mendesak Tunku menjadikan Bahasa Man darin sebagai salah satu dari Bahasa Kebangsaan. Tunku sang gup dirinya ditembak oleh pendesak-pendesak itu kerana tidak mahu berganjak dengan pendiriannya.

Tentang tarikh kemerdekaan pula, Tunku telah memendek kan tuntutan kemerdekaan dari empat tahun kepada dua tahun kerana Tunku marah dan kecewa apabila rumah yang diberikan kepada beliau se bagai kediaman rasmi Ketua Menteri bocor apabila hujan lebat dan Tunku terpaksa mengalihkan katilnya tiap kali hujan turun.

Tunku juga berkeras supaya beliau dibenarkan menemui Ketua Komunis Chin Peng di Baling, Kedah, setelah men dapat tahu bahawa Ketua Komunis itu mahu menemui beliau. Biarpun berhadapan dengan risiko tinggi dan kera jaan British yang menentang hasrat beliau, Tunku tegas de ngan pendirian dan pendapat nya. Diatas pendirian Tunku yang tegas itu, kerajaan British telah membenarkan Tunku untuk bersemuka dengan Chin Peng. Tunku telah membawa ber samanya Ketua Men teri Singapura,

David Marshall. Apa pun pihak British telah menasihatkan Tunku supaya tidak membuat sebarang keputusan dalam pertemuan tersebut dan juga tidak membenarkan Tunku berjabat tangan dengan Chin Peng.

Tunku menjelaskan bahawa selepas perbincangan beliau dengan Chin Peng, nyata sekali kepada Tunku bahawa "sekali menjadi komunis selama-lamanya tetap seorang komunis jua." Ini dapat dilihat oleh Tunku apabila beliau meminta Chin Peng meletakkan senjata dan turut sama untuk me nuntut kemerdekaan dari pihak British, Chin Peng enggan berbuat demikian kerana beliau (Chin Peng) tidak mungkin dapat bekerjasama dengan Tunku disebabkan berlainan ideologi serta meyakinkan Tunku bahawa beliau adalah seorang komunis.

Chin Peng sendiri telah menyatakan kepada Tunku yang beliau akan menubuhkan Kerajaan Komunis di Persekutuan Tanah Melayu apabila berjaya mengusir British keluar dari Tanah Melayu.

Justeru itu, Tunku telah menjelajah keseluruhan tanah air dan masuk ke kampung-kampung untuk menerangkan kepada rakyat jelata tentang bahayanya rejim komunis jika mereka berkuasa. Tunku mendesak rakyat supaya menolak fahaman komunis.

Disini amat jelas bahawa Chin Peng tidak pernah membantu Tunku untuk mencapai kemerdekaan seperti yang didakwa oleh Dr Cheah Boon Kheng, bekas pensyarah sejarah di Universiti Sains Malaysia di dalam akhbar baru-baru ini yang menyebut bahawa pihak komunis juga turut sama menuntut kemerdekaan.

Dalam pada itu Tunku juga mendedahkan bagaimana kumpu lan MIC yang pada mulanya kerap kali berdolok dalih sebelum bersetuju menyertai Tunku untuk menuntut Kemerdekaan. Se sungguhnya temu bual dengan Tunku itu amat berguna dike tahu oleh orang ramai terutama sekali oleh generasi

**IMBAS
 KEMBALI**



Chin Peng

